

# Mahu tawan 14 gunung tertinggi dunia

Pendaki solo negara, Ravi Everest sasar penaklukan dalam tempoh tiga tahun

KUALA LUMPUR

**P**endaki solo negara, T Ravichandran, 57, berhasrat menakluk 14 gunung tertinggi di dunia dalam tempoh tiga tahun selepas berjaya mengibarkan Jalur Gemilang di puncak kedua tertinggi dunia iaitu K2 di Pakistan baru-baru ini.

Ravichandran yang juga dikenali sebagai Ravi Everest berkata, sasaran menakluki 14 gunung tertinggi di dunia itu dilihat mampu direalisasikan berbekalkan pengalaman pendakian terdahulu.

FOTO: FACEBOOK RAVICHANDRAN THARUMALINGAM



Ravichandran akan menyertai program ke Kutub Selatan iaitu Projek Antartika 2022 pada November ini.

"September ini kita ada beberapa gunung yang boleh didaki atas faktor cuaca baik iaitu gunung kelapan tertinggi di dunia (Gunung Manaslu) di Nepal serta Gunung Cho Oyu dan Shishapangma di China. Namun disebabkan limitasi Covid-19 di China, kita tidak boleh teruskan pendakian. Kita sudah tawan lapan gunung setakat ini.

"Kita sasarkan ekspedisi pendakian tahun depan ialah pada bulan Mac di Gunung Annapurna I dan cuba kembali ke Pakistan untuk daki Gunung Broad Peak (K3) pada Julai. Kita sasar beberapa gunung dalam tempoh setahun untuk cuba mencapai misi ini," katanya ketika sidang media maya dari Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Islamabad, Pakistan pada Isnin.

Beliau berkata, misi itu sekaligus dilihat mampu menjadi legasi pencapaian cemerlang Malaysia untuk muncul sebagai



Ravichandran ketika menawan puncak gunung K2 setinggi 8,611 meter di Pakistan pada 22 Julai lalu.

negara pertama di Asia Tenggara menakluki 14 puncak tertinggi di dunia.

Ravi Everest bersama lima lagi pendaki solo terhebat dunia dengan diiringi lima sherpa telah menawan puncak gunung K2 setinggi 8,611 meter pada 22

Julai lepas.

Berkongsi pengalaman menawan K2, beliau berkata, cabaran sepanjang ekspedisi melalui 'Abruzzi Spur Route' adalah tiga kali ganda lebih berisiko berbanding pendakian Gunung Everest sesuai dengan gelarannya sebagai *Savage Mountain*.

Beliau berkata, persekitaran K2 yang berbatu granit dan kurang bersalji memaksa para pendaki menggunakan segala pengalaman dan ilmu berkaitan pendakian untuk mengharungi rintangan sepanjang ekspedisi.

"Ada batu kecil berterbangan selaju 200km/j dan situasi ini yang kita lalui semasa ekspedisi K2. Di sini terdapat beberapa kawasan tidak menerima sinaran matahari yang membentuk *Blue Ice*. Ia memerlukan teknik pendakian *alpine* yang sangat rumit dan ilmu mendalam untuk melepasi cabaran K2," katanya.

Ditanya mengenai perancangannya dalam masa ter-

dekat, Ravi Everest berkata, beliau akan menyertai program ke Kutub Selatan iaitu Projek Antartika 2022 pada November ini.

"Kami akan bergerak menggunakan ski sejauh 1,030 kilometer yang mengambil masa kira-kira 60 hari dan seterusnya mendaki Gunung Vinson Massif di Antartika," katanya.

Beliau berkata, misi itu juga melibatkan kajian mengenai pemanasan global di Antartika dan data yang diperolehi akan diberikan kepada Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi membantu kajian universiti tersebut berkaitan impak pemanasan global menjadi lebih lengkap.

"Saya sebagai alumni UPM ingin bantu dalam memastikan data kajian mereka sangat tepat dan bertaraf antarabangsa. Saya dan UPM sudah laksanakan proses persetujuan, saya percaya impian kita selari dan boleh bekerjasama," katanya. - Bernama

““

*Kita sasarkan ekspedisi pendakian tahun depan ialah pada bulan Mac di Gunung Annapurna I dan cuba kembali ke Pakistan untuk daki Gunung Broad Peak (K3) pada Julai."*

- RAVICHANDRAN